


Soalan yang kerap ditanya mengenai Salindah



Apakah itu produk Salindah?

Salindah ialah rencana pemakanan dan rawatan ibu hamil dari awal mengandung hingga dalam pantang yang mengandungi 12 jenis produk iaitu B1 – B6 sewaktu mengandung dan L7 – L12 sewaktu dalam pantang.

Adakah selamat sekiranya saya makan Salindah?

Insyaa-Allah selamat. Salindah tidak mengandungi dadah dan tidak menyebabkan kesan sampingan. Syarikat telah membuat kajian yang saintifik, di mana Salindah telah diuji atas manusia. Ia juga dikilangkan oleh kilang yang bertahap GMP (Amalan Pengilangan Baik). Ia berdaftar dengan Kementerian Kesihatan Malaysia dan telah memperolehi nombor pendaftaran MAL.

Berapakah harga produk Salindah?

Harga Semenanjung Malaysia: RM 370.00 manakala Sabah & Sarawak: RM 388.00. Salindah.com menawarkan harga RM 370.00 untuk Sabah dan Sarawak, tetapi dengan caj penghantaran RM 15.00.

Kenapakah harga produk Salindah agak mahal?

Tidak mahal sebenarnya. Ini kerana ia digunakan untuk tempoh yang panjang, iaitu dari awal mengandung hingga lepas pantang.

Adakah produk ini boleh dibeli satu persatu?

Boleh, selain dalam bentuk set lengkap, ia juga boleh dibeli dalam bentuk ceraiian B1 – L12 satu persatu.

Bolehkah Salindah dimakan bersama vitamin?

Boleh dimakan bersama vitamin yang biasa diambil semasa mengandung seperti asid folik, Obimin dsb. Vitamin ialah dalam kategori "Food Supplement" yang tidak mengandungi dadah.

Apakah pantang-larang semasa mengambil Salindah?

Dalam Salindah ada 3 kategori:

- a) Biokimia: B1, B2, B3, B5, L10, L12 – pantang-larang ialah asam, elak bau-bauan.
- b) Homeopati: B4, B6, L8, L9 – pantang minuman berkafein (kopi, Nescafe, minuman berkarbonat) dan sebarang ubat yang mengandungi dadah.
- c) Herba : L7, L11 – pantang air asam limau nipis dan air kelapa.

Berapa bulankah kandungan yang dibolehkan untuk mengambil ceraiian B1?

Salindah boleh dimakan apabila disahkan mengandung dan tidak semestinya tunggu sehingga 3 bulan hamil. Ia juga lebih baik diambil lebih awal jika mengalami sebarang alahan semasa mengandung.

Saya menggunakan Salindah, tetapi masih ada baki?

Kegunaan Salindah sebenarnya tidak terhad kepada ibu mengandung sahaja. Ia boleh digunakan seisi keluarga. Penerangan lanjut terdapat dalam buku pengetahuan barangan. Contoh B1 boleh digunakan untuk demam, sakit gigi dan batuk. L9 pula untuk anak terhantuk, terpukul dsb. Ianya juga boleh digabungkan untuk dimakan bersama. Contohnya, B1 boleh dimakan bersama dengan B2.

Saya menggunakan produk Salindah, selepas itu doktor mengesahkan saya mengalami tekanan darah tinggi. Apakah yang patut saya lakukan?

Tekanan darah tinggi berlaku sekiranya pernah menghidap darah tinggi sebelum hamil atau ketika hamil (pre-eklampsia). Faktor keturunan dan hormon boleh mempengaruhi tekanan darah tinggi. Penggunaan Salindah tidak menyebabkan tekanan darah tinggi sebaliknya akan melancarkan perjalanan darah sambil membantu mengawal tekanannya. Disyorkan makan NOMO HYPER-10-C, dan BIOFIBER (boleh dipesan dari www.salindah.com). Jaga pengambilan makanan sewaktu sedang hamil seperti kurangkan makanan yang masin, tinggi lemak atau makanan segera.

Semasa saya makan Salindah, doktor mengesahkan saya mengalami penyakit kencing manis. Bagaimana boleh terjadi begini dan apakah saranan pengambilan produk sampingan?

Teruskan pengambilan Salindah bersama dengan BIOFIBER. Jaga diet, kurangkan pengambilan makanan yang berkarbohidrat sebaliknya tambah pengambilan makanan yang berprotein tinggi contohnya Nadya DIAFOOD dan DIAFOOD TABS (boleh dipesan dari www.salindah.com). Ini untuk mengelak berlakunya komplikasi pre-eklampsia dan bayi yang dikandung bersaiz besar.

Doktor mengesahkan saya mengalami anak songsang. Apakah caranya untuk saya mengatasi masalah ini?

Anak songsang disarankan mengambil tambahan RTA (boleh dipesan dari www.salindah.com). Cara makan ikut aturan pada botol dan berpantang pada minuman berkafein dan ubat-ubatan yang mengandungi dadah. Tidak digalakkan mengurut untuk membetulkan kedudukan songsang dikhuatiri tali pusat terjerut leher bayi.

Saya mengalami masalah uri ke bawah. Adakah saya perlu teruskan mengambil Salindah?

Uri ke bawah terjadi kerana keadaan bayi yang terlalu kecil atau pembesaran bayi yang tidak sempurna, mengandungi kerap, pernah bersalin secara pembedahan, mengandungi lewat usia, pernah mengalami kes uri ke bawah pada kehamilan sebelum ini atau bekerja

terlalu kuat. Teruskan pengambilan Salindah untuk menjaga kesihatan bayi yang dikandung.

Saya telah mengalami keguguran semasa mengambil B1. Adakah B1 penyebab kepada keguguran?

Keguguran disebabkan oleh rahim tidak kuat, penyakit berjangkit (beguk, campak, cacar), kelemahan hormon, reaksi autoimmune (sel ketahanan tubuh ibu telah menyerang kandungan). Keguguran peringkat awal (early miscarriage) berlaku kerana masalah plasenta & servikal, terdedah kepada bahan toksik seperti ubat-ubatan, asap rokok, alkohol dan bahan kimia. Dapatkan keterangan lanjut dari doktor sakit puan anda sebab keguguran tersebut. B1 bukanlah penyebab keguguran. Gunakanlah L7 – L12 ikut aturan seperti dalam pantang.

Adakah pengambilan Salindah boleh menyebabkan tumpah darah?

Tumpah darah berlaku kerana rahim tidak boleh mengecut dengan cepat kerana beberapa faktor termasuklah tertinggalnya sisa membran (plasenta) di dalam rahim selepas bersalin, tekanan darah tinggi, ibu yang berpenyakit, diabetes, masalah rahim (contohnya fibroid), kerap mengandung dan mengandung kembar. Jarang pengguna Salindah membuat aduan tentang kes pendarahan tersebut. Jika adapun, selepas diselidik selalunya disebabkan oleh faktor yang dinyatakan tadi.

Bagaimanakah caranya saya hendak mengambil Salindah kerana saya sudah 21 hari dalam pantang?

Merujuk pada jadual pemakanan Salindah, puan perlu makan L12. Namun begitu boleh juga makan bersama L9, L10 dan L11 untuk menjaga kesihatan puan berterusan sewaktu di dalam pantang. Produk-produk ceraian Salindah (lepas bersalin) boleh juga diamalkan mengikut keperluan. Sila rujuk ruangan kegunaan lain produk Salindah di laman web www.salindah.com.

Bolehkah saya teruskan mengambil Salindah walaupun saya telah habis berpantang?

Boleh teruskan. Selain itu, L11 boleh digunakan sebagai tonik seisi keluarga manakala L12 tonik khusus untuk wanita dan masalah-masalah pada wanita.

Adakah ubat B1 boleh dimakan bersama B2 walaupun masih berbaki?

Boleh. Jarakkan 1 – 2 jam setiap ubat melainkan di arahkan mengambil sekali untuk tujuan tertentu.

Apakah produk yang perlu saya ambil selepas habis memakan Salindah (44 hari)?

Amalkan Ekonopek Griptite (boleh dipesan dari www.salindah.com) untuk mengekalkan kesihatan wanita disamping membantu masalah keputihan, mengempiskan perut dan awet muda. Amalkan B1 untuk darah yang sihat.

Mengikut jadual, B3 makan mula minggu 28, B4 makan minggu 36. Bagaimana caranya hendak makan?

Makan ikut aturan pada label dan produk ini boleh di gabungkan sekiranya tidak habis dimakan pada waktu yang ditetapkan. Teruskan mengambil produk-produk ini sehingga habis.

Bagaimana cara penyimpanan produk Salindah?

Semua produk kami haruslah disimpan pada tahap suhu bilik. Jangan simpan di dalam peti sejuk atau tempat yang terdedah dengan bau-bauan.

Adakah betul bahawa pendapat mengatakan apabila makan Salindah, anak akan menjadi besar?

Tidak. Diet ibu mengandungi keturunan dan penyakit yang dialami oleh ibu boleh mempengaruhi saiz bayi.

Anak saya mengalami penyakit kuning, dimanakah dan apakah ubat yang perlu saya ambil?

Anak tersebut boleh diberi RTD remedi tambahan untuk masalah kuning / jaundis (boleh dipesan dari www.salindah.com).

Adakah boleh digabungkan dengan produk herba lain semasa dalam pantang?

Tidak perlu. Produk Salindah sudah lengkap. Makanlah produk Salindah dengan aturan yang betul. Insya-Allah ianya akan membantu segala masalah di dalam pantang. L11 (produk herba) memenuhi keperluan tubuh sewaktu di dalam pantang dan lebih istimewa lagi ia diperbuat lebih daripada 10 jenis herba.

Kenapakah saya perlu melakukan operation walaupun saya telah mengambil Salindah?

Di antara tujuan pengambilan Salindah adalah untuk memudahkan bersalin secara normal (vaginal birth). Namun begitu dalam keadaan tertentu, bersalin secara pembedahan (cesarean) terpaksa dilakukan sekiranya:

- a) uri ke bawah (placenta previa) – plasenta menghalang laluan untuk bayi tersebut keluar.
- b) uri lekang (abruptio placenta) – apabila plasenta pramatang terpisah dari dinding uterus dan pendarahan akan berlaku.
- c) halangan kelahiran – sekiranya bayi songsang atau melintang. Disyorkan penggunaan RTA untuk membantu memperelokkan kedudukan bayi songsang kepada keadaan normal. Perlu diambil selepas disahkan mengandungi songsang.
- d) uterus pecah.
- e) pernah menjalani pembedahan pada kelahiran sebelumnya.
- f) saiz bayi terlalu besar.
- g) toksemia berulang – suatu keadaan yang mana tekanan darah tinggi boleh menyebabkan penyakit tarik di penghujung usia kehamilan.
- h) jangkitan vagina – boleh menjangkiti bayi dan membawa maut sekiranya dilahirkan secara normal.
- i) tumor pelviks – boleh menghalang laluan kelahiran dan melemahkan dinding uterin.
- j) kelemahan kontraksi sewaktu proses bersalin.
- k) tali pusat luruh – tali pusat yang tertolak ke hadapan bayi akan tersekat dan menghalang pengaliran darah.

Kandungan saya mengalami keguguran semasa saya mengambil B1.

Teruskan pengambilan Salindah L8 – L12 mengikut aturan yang telah ditetapkan. Kelahiran dan keguguran melalui proses yang hampir serupa.

Hemoglobin dalam badan saya masih rendah walaupun mengambil Salindah.

Situasi ini berlaku akibat diet yang rendah zat besi, kelemahan tubuh menyerap zat besi, peningkatan keperluan zat besi oleh tubuh, atau kes-kes yang melibatkan kehilangan darah sewaktu mengandung. Hemoglobin adalah protein yang terdapat di dalam sel darah merah yang berperanan membawa oksigen ke seluruh tisu tubuh. Paras normal hemoglobin wanita hamil ialah 11.0g/dL. Sekiranya paras hemoglobin rendah, wanita tersebut akan mengalami komplikasi anemia akibat kekurangan zat besi. Disarankan mengambil Salindah B1 dua biji empat kali sehari.

Doktor telah mengesahkan saluran peranakan saya telah terbuka 4cm. Apa yang perlu saya lakukan kerana saya baru mengambil B4?

Teruskan makan B4 tetapi sekiranya sakit bersalin teruskan makan B6. Jika kandungan disahkan belum matang, nasihat hentikan pengambilan B4.

Soalan-soalan dan jawapan-jawapan ini hanyalah sebagai panduan sahaja. Dapatkan nasihat professional untuk keterangan lanjut

